

MAHATHIR

(EMBARGO UNTUK SIARAN SELEPAS PUKUL 9 MALAM INI, 11 JAN 1977)

KUALA LUMPUR, 11 JAN (BERNAMA)-JAWATANKUASA KABINET MENGENAI PELABURAN TELAH MENGAMBIL KEPUTUSAN BAHAWA KELULUSAN BAGI JAWATAN PEGAWAI DAGANG PADA MASA DEPAN AKAN DIBERIKAN SERENTAK DENGAN KELULUSAN PROJEK, KATA TIMBALAN PERDANA MENTERI, DR. MAHATHIR MOHAMAD MALAM INI.

BELIAU BERKATA JAWATANKUASA BERTINDAK MENGENAI GALAKAN (ACI) DI BAWAH KEMENTERIAN PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN, SEKARANG AKAN MENERIMA, MENIMBANG DAN MENYESYURKAN KEPADA MENTERI TENTANG KELULUSAN PROJEK DAN GALAKAN SEWAJARNYA.

BERUCAP DI MAJLIS JAMUAN MAKAN TAHUNAN PERSEKUTUAN PEKILANG MALAYSIA (FMM) DI SINI, BELIAU BERKATA JAWATANKUASA JUGA AKAN MENGESYURKAN KEPADA MENTERI TENTANG BILANGAN DAN TEMPUH YANG DIBENARKAN BAGI JAWATAN-JAWATAN PEGAWAI DAGANG DITUGASKAN DALAM PROJEK-PROJEK YANG DILULUSKAN.

DR. MAHATHIR BERKATA CI AKAN JUGA MENIMBANG DAN MENYESYURKAN KELULUSAN JAWATAN PENTING DALAM PROJEK-PROJEK PEKILANGAN.

BELIAU BERHARAP PERATURAN BARU INI AKAN MENGURANGKAN DENGAN BANYAKNYA MASA YANG TERPAKSA DIAMBIL OLEH SYARIKAT-SYARIKAT BAGI MELULUSKAN JAWATAN PEGAWAI DAGANG MASING-MASING. -- BERSAMBUNG H 1909

MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

KATANYA JIKA MASALAH-MASAALAH MASIH TERUS DIHADAPI, MAKA JAWATANKUASA KABINET AKAN MENGAJUI SEMULA PERATURAN INI UNTUK MEMPASTIKAN BAGAIMANA PENYELARASAN DAN KECEKAPAN SELANJUTNYA BOLEH DICAPAI.

DR. MAHATHIR BERKATA PADA TAHUN INI KERAJAAN AKAN MENGUMUMKAN BEBERAPA LANGKAH LAIN BAGI MENGEMASKAN LAGI PERATURAN-PERATURAN SELANJUTNYA BAGI PEMOHONAN PROJEK-PROJEK SERTA MENGURANGKAN KEPERLUAN PEKILANG-PEKILANG BAGI MEMOHON KEPADA BEBERAPA AGENSI KERAJAAN BAGI PELABAGAI KELULUSAN.

MENGENAI PENYERTAAN BUMIPUTRA DALAM EQUATI, PEKERJAAN DAN PEMBAHAGIAN BARANGAN, BELIAU MENGULANGI BAHAWA KERAJAAN TIDAK BERHASRAT HENDAK MENÉKANKAN PERKARA TERSEBUT SEHINGGA BOLEH MENGHALANG KECEKAPAN PERJALANAN SYARIKAT-SYARIKAT.

"INI SUDAH TENTU TIDAK SELARI DENGAN DASAR-DASAR KERAJAAN KERANA PEKERJA-PEKERJA BUMIPUTRA MUNGKIN KURANG PRODAKTIF DARI RAKAN-RAKAN BUKAN BUMIPUTRA MEREKA.

"BAGAIMANAPUN, KEWUJUDAN BUMIPUTRA SEPERTI ITU TIDAK SEMESTINYA DIANGGAP SEBAGAI SATU ALASAN UNTUK TIDAK MENGAMBIL DAN MELATIH KAKITANGAN BUMIPUTRA MENGIKUT JUMLAH YANG CUKUP TERUTAMA SEKALI DI PERINGKAT PENYELIAAN DAN PENGURUSAN," KATANYA. -- BERSAMBUNG HM 1912

££

B614

MAHATHIR 3 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

DR. MAHATHIR BERKATA BEKALAN BUMIPUTRA TERLATIH DALAM BERBAGAI PROFESYEN YANG DIKEHENDAKI OLEH SEKTOR SWASTA SEDANG DITINGKATKAN OLEH INSTITUSI LATIHAN KERAJAAN DARI MASA KE SEMASA.

MATLAMAT KERAJAAN BAGI MENCAPAI PENYERTAAN 30 PERATUS BUMIPUTRA AKAN DICAPAI SEBELUM TAHUN 1990 SEKIRANYA LATIHAN ITU DITAMBAH OLEH PROGEM LATIHAN YANG DIJALANKAN OLEH BERBAGAI SYARIKAT, KATANYA.

MENGENAI AKTA PENYELARASAN PERINDASTRIAN, DR. MAHATHIR BERKATA SEHINGGA 5 JANUARI TAHUN INI, CUMA 458 DARI 4,000 PROJEK PERINDASTRIAN YANG ADA DI NEGARA INI TELAH MEMOHON BAGI MENDAPATKAN LESEN KEPADA KEMENTERIAN PERDAGANGAN DAN PERINDASTRIAN.

BELIAU MENEGASKAN BAHAWA TARIKH AKHIR BAGI MENDAPATKAN LESEN BAGI PROJEK-PROJEK PERINDASTRIAN YANG DILIPUTI OLEH AKTA TERSEBUT AKAN TETAP PADA 30 APRIL TAHUN INI DAN KERAJAAN TIDAK BERHASRAT HENDAK MELANJUTKAN TEMPUH TERSEBUT.

BELIAU MEMBERI JAMINAN KEPADA SEKTOR SWASTA BAHAWA PINDAAN MUKTAMAD TERHADAP AKTA TERSEBUT AKAN HANYA DILAKUKAN SELEPAS SEMUA CADANGAN PINDAAN TELAH DIBINCANGKAN SEPENUHNYA DENGAN SEKTOR SWASTA.

DR. MAHATHIR BERKATA BELIAU TELAH DIBERITAHU BAHAWA KEMENTERIAN PERDAGANGAN DAN PERINDASTRIAN TIDAK LAMA LAGI AKAN MENGADAKAN BEBERAPA PERTEMUAN MENERUSI JAWATANKUASA KECIL MENGENAI AKTA TERSEBUT BAGI MEMBINCANGKAN CADANGAN PINDAAN, TERMASUK SYARAT-SYARAT MENGENAI LESEN YANG DILULUSKAN UNTUK PROJEK-PROJEK PERINDUSTRIAN. -- BERSAMBUNG HM 1917

B615

MAHATHIR 4 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

23

DR. MAHATHIR JUGA MENGGESA KALANGAN PERDAGANGAN MEMBERI SAMBUTAN YANG LEBIH BESAR DAN LEBIH MEMBERIKAN SOKONGAN SERTA KERJASAMA BERMAKNA DALAM PAMIRAN PERDAGANGAN DAN ROMBONGAN PERDAGANGAN.

BELIAU BERKATA KEMENTERIAN PERDAGANGAN DAN PERINDASTRIAN TELAH BEBERAPA KALI MENGHADAPI MASALAH BAGI MENDAPATKAN PARA PEKILANG DAN PENGEKSPOT YANG BERMINAT MENYERTAI PAMIRAN PERDAGANGAN DAN ROMBONGAN PERDAGANGAN.

ALASAN YANG KERAPKALI DIBERIKAN, KEKURANGAN ESEKUTIF UNTUK MENYERTAINYA, KURANG HASIL YANG DAPAT MEMBERIKAN PERSAINGAN DARI SEGI HARGA DAN MUTU DAN BANYAK TERJADI, KURANGNYA WANG WALAUPUN PADA HAKIKATNYA KEMENTERIAN PERDAGANGAN DAN PERINDASTRIAN CUMA MENGENAKAN BAYARAN PENYERTAAN YANG SANGAT RENDAH, KATANYA.

DR. MAHATHIR BERKATA TIDAK DAPAT DIRAGUKAN LAGI BAHAWA KERAJAAN AKAN BERUNTUNG DENGAN LANGSUNG DAN TINDAK LANGSUNG DARI SEBARANG PENAMBAHAN EKSEKUTIF.

BAGAIMANAPUN, BELIAU MINGGATKAN SEKTOR SWASTA BAHAWA USAHA GALAKAN YANG DIJALANKAN OLEH KERAJAAN ADALAH BERTUJUAN BAGI MENOLONG PARA PEKILANG DAN PENGEKSEKUTIF MEMBUKA JALAN MENDAPATKAN PASARAN DI SEBERANGLAUT BAGI HASIL KELUARAN MEREKA. -- BERSAMBUNG HM 1922

££

B616

MAHATHIR 5 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

MATLAMAT YANG DIRANCANGKAN DI BAWAH RANCANGAN MALAYSIA KETIGA TIDAK AKAN TERCAPAI KECUALI KALANGAN PERNIAGAAN MEMBERI SAMBUTAN YANG LEBIH MENGGALAKKAN, KATANYA.

DR. MAHATHIR BERKATA KERAJAAN AKAN MEMPERHEBATKAN LAGI USAHA GALAKAN EKSEPOTHNYA PADA TAHUN INI BAGI MENDAPATKAN PASARAN BARU DAN MENGUKUHKAN LAGI PASARAN YANG ADA.

TUJUH ROMBONGAN DAGANG AKAN DIHANTAR KE NEGARA-NEGARA PILIHAN DI KESATUAN EKONOMI EROPAH, AUSTRALIA, JEPUN, KEPULAUAN PASIFIK DAN AFRIKA.

SELAIN DARI ITU, PERATURAN JUGA SEDANG DIBUAT BAGI MALAYSIA MENYERTAI SEPULUH PAMIRAN PERDAGANGAN DI SEBERANGLAUT.

KERAJAAN JUGA AKAN TERUS MENGAMALKAN DASAR MEMPELAWA PEGAWAI-PEGAWAI DAGANG DAN AHLI PERNIAGAAN TERKEMUKA DARI NEGARA-NEGARA PASARAN UTAMANYA MELAWAT .-) -6'8- BAGI MENINJAU SENDIRI TENTANG BANYAKNYA HASIL KELUARAN NEGARA INI UNTUK EKSEPO, KATANYA.

-BERSAMBUNG HM 1925

££

B617

MAHATHIR 6 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

SEBELUM ITU, PRESIDEN FMM TUNKU TAN SRI MOHAMED BIN TUNKU BESAR BURHANUDDIN MENYERU KERAJAAN MENYEDIAKAN SATU SENARAI KELUARAN PETRO-KIMIA YANG TERTAKLUK KEPADA PERLESENAN DI BAWAH RANG ANDANG-UNDANG (PINDAAN) PEMBANGUNAN PETROLIAM, 1976.

RANG UNDANG-UNDANG ITU, YANG DIBENTANGKAN DI PARLIMEN BARU- BARU INI, MEMBERI KUASA KEPADA PERDANA MENTERI MENGEQUALIKAN DARI KEPERLUAN PERLESENAN DI BAWAH AKTA KEGIATAN PERNIAGAAN TERTENTU BERKAITAN DENGAN PETROLIAM DAN HASIL PETRO-KIMIA.

BELIAU BERKATA, FMM BELUM BEGITU JELAS TENTANG SEJAUH MANA KUATKUASA RANG UNDANG-UNDANG ITU AKAN MEMBERI KESAN TERHADAP MEREKA DALAM PEKILANGAN, PEMASARAN ATAU PEMBAHAGIAN HASIL- HASIL PETRO-KIMIA.

TUNKU TAN SRI MOHAMED JUGA MELAHIRKAN PENGHARGAAN FMM DI ATAS SAMBUTAN POSITIF YANG DIBERIKAN OLEH KERAJAAN KEPADA SERUAN SEKTOR SWASTA BAGI PEMINDAAN AKTA PENYELARASAN PERINDASTRIAN.

KATANYA IA TELAH MENGEMUKAKAN SATU MEMORENDAM YANG MENYELURUH KEPADA JAWATANKUASA KABINET MENGENAI PELABURAN BERHUBUNG DENGAN PINDAAN KEPADA AKTA, SYARAT-SYARAT YANG DIKENAKAN KE ATAS LESEN PEKILANG, PENGURANGAN KAWALAN BIROKERATIK DAN PEMUDAHAN PERATURAN PENTADBIRAN. -- BERNAMA HM 1930